

Peranan masjid sebagai Institusi Rehabilitasi Pesalah Syariah melalui Perintah Kehadiran Wajib (PKW)

(The Role of the mosque as a Rehabilitation Institution for Shariah Offenders through the Compulsory Attendance Order)

***Nur Zulfah Md Abdul Salam**

Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

*Corresponding Author: Nur Zulfah Md Abdul Salam (nurzulfah@uis.edu.my)

Received: Dec 9, 2025

Accepted: Jun 26, 2026

Online Published: Jun 30, 2026

ABSTRAK

Masjid dalam Islam bukan sekadar pusat ibadah, malah berperanan sebagai institusi sosial dan pendidikan masyarakat. Artikel ini membincangkan peranan masjid sebagai medium rehabilitasi pesalah syariah melalui pelaksanaan perintah kehadiran wajib. Perintah ini merupakan satu bentuk hukuman alternatif dalam undang-undang jenayah syariah yang menekankan pendekatan pemulihan berbanding punitif semata-mata. Kajian ini meneliti kerangka perundangan yang memperuntukkan perintah tersebut, konsep rehabilitasi menurut perspektif syariah, serta fungsi masjid dalam membentuk semula akhlak dan integriti rohani pesalah. Dengan menggunakan kaedah analisis dokumen perundangan dan literatur ilmiah, artikel ini mendapati bahawa masjid mampu menjadi platform efektif dalam membimbing pesalah kembali ke jalan yang benar melalui pendidikan agama, penglibatan komuniti, serta pengawasan berterusan. Implikasi kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan perintah kehadiran wajib di masjid bukan sahaja menyumbang kepada pemulihan individu, tetapi juga memperkukuh peranan masjid sebagai pusat pembangunan ummah selaras dengan maqasid syariah.

Kata kunci: Masjid, Rehabilitasi, Pesalah Syariah, Perintah Kehadiran Wajib, Undang-undang Jenayah Syariah

ABSTRACT

A mosque in Islam is not merely a center of worship, but also plays a role as a social and educational institution for the community. This article discusses the role of the mosque as a medium for the rehabilitation of Shariah offenders through the implementation of the Compulsory Attendance Order (CAO). This order is a form of alternative sentencing in Shariah criminal law that emphasizes a rehabilitative approach rather than a purely punitive one. This study examines the legal framework that provides for this order, the concept of rehabilitation from a Shariah perspective, and the function of the mosque in reshaping the morals and spiritual integrity of the offenders. Using methods of legal document analysis and scholarly literature, this article finds that the mosque is capable of being an effective platform in guiding offenders back to the right path through religious education, community involvement, and continuous supervision. The implications of the study indicate that the implementation of the Compulsory Attendance Order at mosques not only contributes to the rehabilitation of the individual but also strengthens the role of the mosque as a center for community development in line with the objectives of Shariah (maqasid shariah).

Keywords: Mosque, Rehabilitation, Shariah Offender, Compulsory Attendance Order, Shariah Criminal Law, Maqasid Syariah

PENDAHULUAN

Undang-undang jenayah Islam yang dilaksanakan ketika ini di Malaysia adalah berdasarkan bentuk hukuman takzir yang meletakkan sepenuh budi bicara kepada hakim syarie dalam menentukan bentuk hukuman yang sesuai bagi pesalah. Terdapat tiga bentuk hukuman yang ditetapkan sebagaimana dalam Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (selepas ini disebut sebagai Akta 355) iaitu hukuman denda, penjara dan sebatan. Malah, bagi ketiga-tiga bentuk hukuman ini pula telah dinyatakan jumlah maksimum yang boleh dikenakan kepada pesalah dengan melihat kepada jenis kesalahan yang telah diperuntukan dalam Enakmen Jenayah Syariah Negeri-negeri. Berdasarkan kenyataan ini, dapat dikatakan Mahkamah Syariah mempunyai kuasa prerogatif dan mutlak dalam membuat keputusan melalui kesalahan-kesalahan jenayah syariah yang tertakluk dalam bidangnya. Namun, setiap penghakiman yang diputuskan pula, mestilah merangkumi dalam falsafah syariah yang menyentuh enam aspek penjagaan kehidupan manusia iaitu akidah (agama), jiwa, kehormatan, fikiran, harta dan zuriat. Menurut pandangan penulis, objektif kepada hukuman jenayah syariah adalah bersifat mendidik dan mendatangkan keinsafan serta memulihkan pesalah kepada fitrah kejadian manusia yang perlu mematuhi setiap kehendak dan larangan syarak. .

Di Malaysia, sistem keadilan jenayah adalah unik kerana terdapat dua sistem keadilan jenayah yang berjalan selari namun saling tidak menyokong antara satu dengan yang lain (Hisham, 2014). Ini disebabkan oleh pemakaian khusus satu sistem keadilan tersebut ke atas satu kelompok masyarakat tertentu. Kedua-dua sistem keadilan jenayah tersebut ialah sistem keadilan jenayah Sivil dan sistem keadilan jenayah Syariah (Hisham, 2014). Undang-undang jenayah Islam yang dilaksanakan ketika ini di Malaysia adalah berdasarkan bentuk hukuman takzir yang meletakkan sepenuh budi bicara kepada hakim syarie dalam menentukan bentuk

hukuman yang sesuai bagi pesalah. Terdapat tiga bentuk hukuman yang ditetapkan sebagaimana dalam Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (selepas ini disebut sebagai Akta 355) iaitu hukuman denda, penjara dan sebatan. Malah, bagi ketiga-tiga bentuk hukuman ini pula telah dinyatakan jumlah maksimum yang boleh dikenakan kepada pesalah dengan melihat kepada jenis kesalahan yang telah diperuntukan dalam Enakmen Jenayah Syariah Negeri-negeri.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Walaupun Perintah Kehadiran Wajib (PKW) diperkenalkan sebagai salah satu alternatif kepada hukuman penjara bagi pesalah syariah, pelaksanaannya di masjid masih berdepan dengan pelbagai kekangan dan keterbatasan. Secara umumnya, inisiatif ini belum mencapai tahap pelaksanaan yang menyeluruh serta kurang difahami oleh masyarakat dan pihak pengurusan masjid itu sendiri. Situasi ini menimbulkan persoalan tentang sejauh mana masjid benar-benar mampu berfungsi sebagai institusi rehabilitasi yang efektif dalam membentuk semula jati diri pesalah syariah melalui pendekatan keagamaan dan spiritual.

Keterbatasan pelaksanaan PKW di masjid berpunca daripada faktor kemudahan fizikal, kekangan tenaga kerja, serta ketiadaan modul khas yang dirangka secara sistematik untuk tujuan pemulihan berasaskan Islam. Tidak semua masjid mempunyai keupayaan dari segi infrastruktur mahupun organisasi untuk melaksanakan program sebegini secara teratur dan berkesinambungan. Kekurangan perancangan strategik serta garis panduan pelaksanaan turut menyebabkan keberkesanan program ini sukar diukur dan dinilai dengan tepat.

Dari sudut pengurusan, tahap kefahaman dan kesediaan pihak pentadbiran masjid terhadap pelaksanaan PKW masih berada pada tahap yang membimbangkan. Terdapat segelintir pengurusan masjid yang tidak benar-benar jelas tentang peranan dan tanggungjawab mereka dalam konteks rehabilitasi pesalah syariah. Kekangan dalam aspek latihan, pemantauan dan pengurusan program menyebabkan pelaksanaan PKW tidak mencapai matlamat asalnya sebagai satu proses pemulihan yang berkesan dan tersusun.

Selain itu, kekangan sumber manusia dan kewangan turut menjadi faktor utama yang mengekang keberkesanan pelaksanaan PKW. Program rehabilitasi seumpama ini menuntut penglibatan tenaga pengajar agama, kaunselor, serta sukarelawan yang berkemahiran, namun kebanyakan masjid masih bergantung kepada ahli jawatankuasa yang bertugas secara sukarela tanpa sokongan kewangan yang mencukupi. Ketiadaan peruntukan khusus menyebabkan aktiviti pemulihan tidak dapat dijalankan secara menyeluruh dan berterusan, seterusnya menjejaskan keberkesanan intervensi yang dirancang.

Sikap dan penerimaan masyarakat terhadap pesalah syariah juga menjadi cabaran besar dalam menjayakan pelaksanaan PKW di masjid. Masih wujud stigma negatif dalam kalangan masyarakat yang melihat kehadiran pesalah syariah di masjid sebagai sesuatu yang mencemarkan kesucian institusi tersebut. Persepsi sebegini bukan sahaja menjejaskan proses pemulihan sosial, malah turut memberi kesan kepada usaha membina semula keyakinan diri pesalah yang sedang menjalani program PKW.

Di samping itu, kekurangan modul pemulihan yang benar-benar berteraskan Islam turut menimbulkan isu dalam pelaksanaan program ini. Modul yang sedia ada kadangkala tidak

menepati keperluan spiritual, emosi dan psikososial pesalah syariah. Oleh itu, satu pendekatan holistik yang merangkumi aspek aqidah, ibadah, akhlak serta kemahiran hidup perlu diwujudkan bagi memastikan proses pemulihan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan menyeluruh.

Akhir sekali, isu pemantauan dan penilaian keberkesanan program PKW di masjid juga menjadi isu berbangkit. Ketiadaan sistem pemantauan standard dan dokumentasi yang sistematik menjadikan usaha menilai kejayaan program ini amat terbatas. Data mengenai perubahan sikap, penglibatan semula pesalah dalam masyarakat serta tahap keberhasilan pemulihan sering kali tidak direkodkan secara formal oleh agensi agama yang bertanggungjawab. Keadaan ini menjadikan sukar untuk menilai sejauh mana masjid benar-benar berperanan sebagai institusi yang berupaya membimbing, memulih dan membentuk semula insan yang tersasar daripada landasan syariah.

SOROTAN LITERATUR

Literatur terdahulu menunjukkan bahawa masjid di Malaysia bukan sekadar tempat ibadah, tetapi telah berkembang menjadi pusat bukan formal yang memberi pelbagai fungsi sosial dan komuniti. Kajian Performance Measurement of Mosques based on Maqasid Al-Syariah in Malaysia: governance of resources, processes and outputs oleh Abd. Rahman (2017) mendapati bahawa prestasi masjid dipengaruhi secara signifikan oleh aspek tadbir urus, sumber, proses dan output, di mana komponen output yang tinggi tidak semestinya mencerminkan pencapaian objektif maqasid syariah yang lebih mendalam. Dalam satu sorotan literatur sistematik tentang peranan institusi masjid di Malaysia, Shahbuddin dan Gunardi (2023) menegaskan bahawa masjid memainkan peranan penting dalam penyebaran ilmu, dakwah, kebajikan sosial dan pembentukan moral komuniti, tetapi wujud jurang jelas dalam pelaksanaan modul pemulihan atau intervensi khusus untuk pesalah syariah. Kajian Masjid sebagai Hab Kebajikan Masyarakat serta Sinergi Dakwah di Malaysia dan Aceh oleh Mohd Sharif, Mat Akhir, Mohd Khalli, Abu Bakar, dan Jasafat (2024) pula memperlihatkan bahawa masjid yang menjalankan program kebajikan melalui sinergi dengan pelbagai pihak dapat meningkatkan relevansi mereka dalam komuniti, namun sekali lagi terdapat keperluan untuk modul dan struktur yang lebih tersusun agar keberkesanan program itu dapat diukur dengan jelas. Tambahan pula, kajian Mosques' Management Model in Indonesia and Malaysia: A Systematic Literature Review oleh Sahad, Nazmi, Abdullah, dan Yusuff (2022) menunjukkan bahawa model pengurusan masjid di Malaysia lebih memberi tumpuan kepada pengurusan organisasi dan sumber, tetapi kurang menumpu kepada aspek rehabilitasi syariah atau modul intervensi untuk pemulihan sosial dan spiritual individu yang tersasar. Semua ini menunjukkan bahawa walaupun masjid mempunyai potensi besar sebagai institusi rehabilitasi, masih terdapat kekurangan dalam modul pemulihan khas, latihan pengurusan, pemantauan atau penilaian keberkesanan, serta penerimaan masyarakat yang menyokong peranan masjid dalam konteks rehabilitasi pesalah syariah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif tinjauan yang melibatkan kajian kepustakaan. Sumber data diperolehi melalui penulisan-penulisan berkaitan fiqh, undang-undang dan perundangan Islam serta jurnal, teks penghakiman dan statut-statut berkaitan. Garis Panduan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) Pesalah Syariah, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah negeri-negeri,

Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 dan Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah Pindaan (2022) (Akta A1660) digunakan sebagai rujukan utama kerana hampir kebanyakan dapatan kajian adalah melalui sumber-sumber ini. Oleh kerana kajian ini merupakan kajian kualitatif sepenuhnya, kebanyakan data dianalisis secara induktif melalui rumusan dari data-data yang diperolehi melalui sumber-sumber berkenaan. Kesemua data dan maklumat tersebut kemudiannya dianalisis melalui kaedah analisis kandungan dalam mengenalpasti permasalahan dan dapatan serta mencadangkan penyelesaian.

OBJEKTIF KAJIAN

Tiga objektif kajian ini adalah:

1. Menganalisis pelaksanaan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) di masjid sebagai medium rehabilitasi pesalah syariah.
2. Mengenal pasti cabaran dan kekangan yang dihadapi dalam pelaksanaan PKW di masjid, termasuk aspek kemudahan, pengurusan, sumber manusia, modul pemulihan dan penerimaan masyarakat.
3. Mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan bagi memperkukuh pelaksanaan PKW di masjid agar lebih berkesan sebagai instrumen rehabilitasi pesalah syariah selaras dengan prinsip maqasid syariah dan pembangunan ummah.

DAPATAN KAJIAN

Perintah Kehadiran Wajib (PKW) di Mahkamah Syariah

Perintah Kehadiran Wajib (PKW) Pesalah Syariah Perintah Kehadiran Wajib (PKW) merupakan satu hukuman yang termaktub dalam perundangan negara Malaysia dibawah Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954. Tafsiran Perintah Kehadiran Wajib; “PKW adalah alternatif hukuman pemenjaraan kepada pesalah yang melakukan kesalahan tertentu untuk menjalani hukuman di luar penjara dengan melaksanakan “kerja wajib” tanpa menjejaskan kehidupan hariannya.” Perlaksanaan program Perintah Kehadiran Wajib (PKW) bermula sekitar tahun 50an setelah Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954 (Akta 461) digubal. Pada peringkat awal program ini hanya dilaksanakan di penjara Pulau-pinang, penjara Pudu dan Penjara Taiping. Akta ini kemudiannya telah disemak dan kemudiannya telah dilaksanakan di seluruh Semenanjung Malaysia pada tahun 1991. Sehingga pada September 2012 baharu Perintah Kehadiran Wajib (PKW) ini diterima pakai di Mahkamah Majistret dan Sesyen di Sabah dan Sarawak. Objektif pelaksanaan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) adalah seperti berikut:

1. Membantu mengurangkan kesesakan dalam penjara;
2. Program Pemulihan lebih efektif;
3. Memberi peluang supaya pesalah masih lagi boleh bekerja dan memperoleh pendapatan serta masih boleh menyara diri dan keluarga;
4. Membantu mengurangkan perbelanjaan kerajaan
5. Mengurangkan impak *prisonization* ke atas pesalah bagi kes hukuman ringan.

Pesalah Perintah Kehadiran Wajib (PKW) dipanggil Pesalah Kehadiran Wajib. Mereka tergolong pesalah yang terlibat dengan kesalahan ringan kali pertama seperti mencuri di pasaraya dalam jumlah yang kecil, merempit tanpa lesen dan yang seumpamanya. Mereka diperintahkan menjalani hukuman dalam keluarga danberkhidmat kepada masyarakat. Pesalah ini diletakkan dibawah penjagaan Pegawai Pusat Kehadiran Wajib, Parol dan Perkhidmatan Komuniti, Jabatan Penjara Malaysia. Sekiranya pesalah melanggar perintah pensyaratan sewaktu menjalani hukuman, mereka boleh disabitkan dengan kesalahan ‘melanggar perintah’ yang boleh membawa kepada hukuman penjara. Walaubagaimanapun, Perintah Kehadiran Wajib di Mahkamah Syariah tidak pernah dilaksanakan ekoran tiada punca kuasa dan perundangan yang jelas. Justeru pada 22 Jun 2020, dalam persidangan Ketua-ketua Hakim Syarie seluruh Malaysia telah sebulat suara memutuskan untuk menerima pakai Akta 461 di Mahkamah-mahkamah Syariah seluruh Malaysia. Jabatan Peguam Negara melalui surat bertarikh 10 September 2020 kepada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah memberikan pandangan undang-undang bahawa Mahkamah Syariah juga turut berbidang kuasa untuk melaksanakan PKW.

Hukuman Pemulihan dalam Undang-undang Jenayah Syariah

Pemulihan membawa maksud hal atau perbuatan memulihkan sesuatu kembali seperti biasa (keadaan semula), pengembalian kepada keadaan semula. Istilah pemulihan tidak dinyatakan secara khusus di dalam al-Quran. Namun, jika dirujuk dalam bahasa Arab perkataan Islah adalah paling dekat yang menggambarkan tentang maksud pemulihan iaitu memperbaiki atau memulihkan (Mansor et al., 2019). Dalam undang-undang jenayah syariah ciri utama adalah hukuman sebagai satu pembalasan rasmi yang dimaksudkan dengan rasmi di sini ialah ketentuan kadar serta jenisnya telah ditetapkan oleh syarak. Oleh kerana itu, seseorang Hakim Syarie tidak mempunyai kebebasan dalam tindakannya ketika menjatuhkan apa sahaja hukuman ke atas pesalah di dalam apa sahaja jenis kesalahan jenayah. Ini bererti bahawa Hakim Syarie adalah terikat dengan jenis dan kadar pembalasan yang telah ditetapkan. Selain itu, Hakim Syarie tidak mempunyai hak atau kuasa untuk mengadakan satu hukuman baru atau melampaui kadar hukuman yang telah ditetapkan dalam undang-undang. Konsep hukuman di dalam undang-undang jenayah syariah terdapat cara untuk melakukannya, iaitu dari segi ketetapan jenis dan kadarnya. Tanggungjawab Hakim Syarie ialah memilih jenis hukuman yang difikirkan patut atau sesuai dalam menentukan kadar yang munasabah (Jusoh et al., 2017). Atas faktor limitasi hukuman terdapat juga hukuman berbentuk pemulihan yang dikenakan kepada pesalah jenayah syariah tidak mengira pesalah lelaki mahupun wanita. Hukuman pemulihan ini dilihat sebagai hukuman ganti bagi hukuman penjara, denda dan sebatan. Selain dikenakan hukuman asal, hukuman pemulihan ialah hukuman gantian atau pilihan. Perintah Khidmat Masyarakat seringkali dikaitkan dengan hukuman pemulihan. Dalam menjatuhkan hukuman ke atas pesalah syariah, hakim mempunyai panduan menetapkan sesuatu hukuman kepada mereka berdasarkan peruntukan-peruntukan perundangan yang sewajarnya (Nasohah, 2014).

Masjid Sebagai Institusi Rehabilitasi Pesalah Syariah Melalui Perintah Kehadiran Wajib (PKW)

Walaupun Perintah Kehadiran Wajib (PKW) diperkenalkan sebagai salah satu alternatif kepada hukuman penjara bagi pesalah syariah, pelaksanaannya di masjid masih berdepan dengan pelbagai kekangan dan keterbatasan. Secara umumnya, inisiatif ini belum mencapai tahap pelaksanaan yang menyeluruh serta kurang difahami oleh masyarakat dan pihak pengurusan masjid itu sendiri. Situasi ini menimbulkan persoalan tentang sejauh mana masjid benar-benar mampu berfungsi sebagai institusi rehabilitasi yang efektif dalam membentuk semula jati diri pesalah syariah melalui pendekatan keagamaan dan spiritual.

Masjid merupakan lokasi yang paling sesuai bagi pelaksanaan PKW kerana ia menyediakan ekosistem pemulihan yang menyeluruh, merangkumi pembangunan spiritual, pendidikan agama, pembentukan akhlak, sokongan komuniti dan pemantauan berterusan. Pendekatan ini lebih menepati falsafah hukuman dalam undang-undang jenayah syariah yang mengutamakan rehabilitasi, pencegahan dan pemulihan, selaras dengan objektif maqasid syariah, khususnya pemeliharaan agama, akal dan maruah (*hifz al-'ird*).

Namun, keterbatasan pelaksanaan PKW di masjid berpunca daripada faktor kemudahan fizikal, kekangan tenaga kerja, serta ketiadaan modul khas yang dirangka secara sistematik untuk tujuan pemulihan berasaskan Islam. Tidak semua masjid mempunyai keupayaan dari segi infrastruktur mahupun organisasi untuk melaksanakan program sebegini secara teratur dan berkesinambungan. Kekurangan perancangan strategik serta garis panduan pelaksanaan turut menyebabkan keberkesanan program ini sukar diukur dan dinilai dengan tepat.

Dari sudut pengurusan, tahap kefahaman dan kesediaan pihak pentadbiran masjid terhadap pelaksanaan PKW masih berada pada tahap yang membimbangkan. Terdapat segelintir pengurusan masjid yang tidak benar-benar jelas tentang peranan dan tanggungjawab mereka dalam konteks rehabilitasi pesalah syariah. Kekangan dalam aspek latihan, pemantauan dan pengurusan program menyebabkan pelaksanaan PKW tidak mencapai matlamat asalnya sebagai satu proses pemulihan yang berkesan dan tersusun.

Selain itu, kekangan sumber manusia dan kewangan turut menjadi faktor utama yang mengekang keberkesanan pelaksanaan PKW. Program rehabilitasi seumpama ini menuntut penglibatan tenaga pengajar agama, kaunselor, serta sukarelawan yang berkemahiran, namun kebanyakan masjid masih bergantung kepada ahli jawatankuasa yang bertugas secara sukarela tanpa sokongan kewangan yang mencukupi. Ketidadaan peruntukan khusus menyebabkan aktiviti pemulihan tidak dapat dijalankan secara menyeluruh dan berterusan, seterusnya menjejaskan keberkesanan intervensi yang dirancang.

Sikap dan penerimaan masyarakat terhadap pesalah syariah juga menjadi cabaran besar dalam menjayakan pelaksanaan PKW di masjid. Masih wujud stigma negatif dalam kalangan masyarakat yang melihat kehadiran pesalah syariah di masjid sebagai sesuatu yang mencemarkan kesucian institusi tersebut. Persepsi sebegini bukan sahaja menjejaskan proses pemulihan sosial, malah turut memberi kesan kepada usaha membina semula keyakinan diri pesalah yang sedang menjalani program PKW.

Di samping itu, kekurangan modul pemulihan yang benar-benar berteraskan Islam turut menimbulkan isu dalam pelaksanaan program ini. Modul yang sedia ada kadangkala tidak menepati keperluan spiritual, emosi dan psikososial pesalah syariah. Oleh itu, satu pendekatan holistik yang merangkumi aspek aqidah, ibadah, akhlak serta kemahiran hidup perlu diwujudkan bagi memastikan proses pemulihan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan menyeluruh.

Akhir sekali, isu pemantauan dan penilaian keberkesanan program PKW di masjid juga menjadi isu berbangkit. Ketiadaan sistem pemantauan standard dan dokumentasi yang sistematik menjadikan usaha menilai kejayaan program ini amat terbatas. Data mengenai perubahan sikap, penglibatan semula pesalah dalam masyarakat serta tahap keberhasilan pemulihan sering kali tidak direkodkan secara formal oleh agensi agama yang bertanggungjawab. Keadaan ini menjadikan sukar untuk menilai sejauh mana masjid benar-benar berperanan sebagai institusi yang berupaya membimbing, memulih dan membentuk semula insan yang tersasar daripada landasan syariah.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, pelaksanaan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) di masjid masih berada pada tahap yang memerlukan penambahbaikan secara menyeluruh dari pelbagai aspek. Walaupun PKW diperkenalkan sebagai satu bentuk hukuman alternatif yang berteraskan pemulihan rohani bagi menggantikan hukuman pemenjaraan, pelaksanaannya di masjid masih berdepan dengan pelbagai kekangan yang menjejaskan keberkesanannya. Antara cabaran utama yang dikenal pasti ialah keterbatasan kemudahan fizikal, kekurangan tenaga kerja yang berkemahiran, ketiadaan modul pemulihan berasaskan Islam yang komprehensif, serta kekangan kewangan dan pengurusan di peringkat institusi masjid.

Di samping itu, tahap kefahaman dan kesediaan pihak pengurusan masjid dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai institusi rehabilitasi pesalah syariah masih belum mencapai tahap yang optimum. Kekurangan latihan, kelemahan dalam aspek pemantauan dan penilaian, serta stigma masyarakat terhadap pesalah syariah turut menjadi cabaran dalam merealisasikan masjid sebagai pusat pemulihan sosial yang inklusif dan berkesan.

Walau bagaimanapun, hasil kajian menunjukkan bahawa masjid merupakan institusi yang berpotensi besar sebagai medium pelaksanaan PKW kerana fungsinya yang bukan sahaja sebagai tempat ibadah, malah sebagai pusat tarbiah, pendidikan, pembangunan akhlak dan pembinaan sahsiah masyarakat. Persekitaran masjid yang kondusif untuk pengukuhan akidah, ibadah dan akhlak menjadikannya lebih sesuai sebagai platform rehabilitasi yang mampu membimbing pesalah syariah kembali kepada kehidupan yang selaras dengan tuntutan syarak.

Sehubungan itu, pelaksanaan PKW di masjid perlu diperkasakan melalui pendekatan yang lebih holistik, sistematik dan berpaksikan nilai-nilai Islam. Antara langkah yang perlu diberikan perhatian ialah pembangunan modul PKW yang komprehensif dan seragam bagi dijadikan panduan pelaksanaan di semua institusi masjid, penyediaan latihan dan pembangunan kompetensi kepada jawatankuasa serta pegawai masjid agar mereka mampu melaksanakan fungsi rehabilitasi secara profesional, serta pengukuhan kerjasama strategik antara Mahkamah Syariah, Jabatan Agama Islam dan institusi masjid bagi memastikan aspek pelaksanaan, pemantauan dan penilaian PKW dapat dijalankan secara bersepadu dan

berkesan. Dengan penambahbaikan tersebut, PKW berpotensi menjadi instrumen rehabilitasi yang lebih efektif dalam membentuk semula jati diri pesalah syariah, mengurangkan kadar pengulangan kesalahan serta memperkukuh peranan masjid sebagai institusi pembangunan ummah selaras dengan maqasid syariah.

RUJUKAN

- Hisham, R.B. (2014). Kertas Kerja: Keberkesanan Konsep Pemulihan dan Keadilan Restoratif dalam Hukuman. Seminar Undang-Undang dan Masyarakat II: Menambahbaik Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah di Malaysia pada 3 April 2014 bertempat di Auditorium Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Rahman, A., & Fauzi, M. (2017). *Performance measurement of mosques based on Maqasid Al-Syariah in Malaysia: governance of resources, processes and outputs*/Muhd Fauzi Abd. Rahman (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi MARA (UiTM)).
- Sahad, M. N., Suhaila, A., & Yusuff, S. (2022). Mosques' Management Model in Indonesia and Malaysia: A Systematic Literature Review. *International Journal of Academic Reserach in Economics and Management Sciences*, 11(3).
- Shahbuddin, Z. H. S., & Gunardi, S. (2023). Tinjauan Literatur Sistematis Terhadap Peranan Institusi Masjid di Malaysia: Systematic Literature Review (SLR) on The Role of Mosque Institutions in Malaysia. *'Abqari Journal*, 29(1), 54-71.
- Sharif, M. F. M., Akhir, N. S. M., Khalli, M. N. M., & Bakar, N. A. (2024). Masjid sebagai Hab Kebajikan Masyarakat serta Sinergi Dakwah di Malaysia dan Aceh. *Islamiyyat*, 46(2), 167-178.
- Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (selepas ini disebut sebagai Akta 355)
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003
- Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995.